

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JANUARY 2017

# DAP pernah minta jawatan TPM

um - 20/1/2017

**KUALA LUMPUR 19 Jan.** - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui DAP pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Menurut beliau, DAP tidak meminta jawatan Perdana Menteri kerana menyedari kaum Cina adalah golongan minoriti di negara ini tetapi menaruh harapan untuk mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau turut menyangkal kenyataan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada Majlis Sepeyang Bersama Perdana Menteri di Kuala Ketil, Kedah, baru-baru ini bahawa DAP akan mengisi jawatan tersebut jika parti itu menang.

“Kononnya kata Datuk Seri Najib, kalau UMNO kalah, DAP menang, ia (DAP) akan jadi Perdana Menteri. Tak mungkin kerana kalau DAP menang, ia kena dapat

sokongan parti Melayu yang lain.

“Mereka (DAP) terang-terang kata kepada saya, bangsa Cina ini minoriti dalam negara ini dan DAP tak pernah meminta menjadi Perdana Menteri. Tetapi kalau timbalan itu, adalah...” katanya dalam program Warga Putrajaya bersama Tun Dr. Mahathir di Yayasan

Kepimpinan Perdana seperti dipetik dalam portal berita *Antara Post* yang turut memuatkan video kenyataan bekas Perdana Menteri itu.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Najib yang baru-baru ini berkata, DAP berupaya menguasai kerajaan jika rakyat memberi mandat kepada pakatan pembangkang untuk menawan Putrajaya.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim



**MAHATHIR  
MOHAMAD**

sebelum ini mendedahkan wujudnya pakatan sulit antara Dr. Mahathir dengan Lim Kit Siang untuk menaikkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri, manakala Penasihat DAP itu pula mengisi kerusi nombor dua tertinggi negara.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, “DAP bukanlah kuat sangat. Masa dalam UMNO kita beri gambaran mereka ini sangat jahat, terlalu kecinaan dan sebagainya. Ia bukan parti Cina, ia parti pelbagai kaum.

“(Ketika hadiri satu majlis DAP), depan saya mereka berikrar menyokong Perlembagaan, maknanya dia memperakui kedudukan Raja Melayu, sokong bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam agama rasmi negara dan keistimewaan Melayu.”